

SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI, JANGSAK
UJIAN TOPIKAL
BAHASA MELAYU
TATABAHASA
TAHUN 9

Pilih jawapan yang betul sama ada jawapan A,B,C atau D.

1. " _____ amat berbesar hati kerana tuanku sudi mencemar duli melawat kampung ini," sembah tuk penghulu kepada putera mahkota.
A. Baginda
B. Hamba
C. Patik
D. Beta
2. Nelayan itu menebarkan _____ jala untuk menangkap ikan di sungai.
A. sehelai
B. serawan
C. selembat
D. sepasang
3. Zuhairi membatalkan niatnya ke bandar _____ basikalnya rosak di tengah jalan.
A. sambil
B. kerana
C. kecuali
D. tetapi
4. Pendayung itu tidak dapat digunakan lagi kerana sudah _____.
A. luluh
B. koyak
C. usang
D. sompek
5. Perjalanan kakak ke bandar Miri telah _____ kerana berlakunya tanah runtuh di kilometer 205.
A. terkandas
B. terhalang
C. tergendala
D. terbengkalai

6. Ketua pengawas akan _____ bendera ketika lagu Allah Peliharakan Sultan dinyanyikan oleh murid-murid.
- A. naikkan
 - B. menaiki
 - C. kenaikan
 - D. menaikkan
7. Andriana selalu teringat _____ kenangan sewaktu bercuti di perkampungan nelayan itu.
- A. akan
 - B. dengan
 - C. kepada
 - D. terhadap
8. Kita hendaklah sayang _____ kedua-dua ibu bapa kita.
- A. ke
 - B. pada
 - C. akan
 - D. dengan
9. Penyanyi yang bersuara _____ itu telah berjaya menewaskan peserta-peserta lain.
- A. lunak
 - B. serak
 - C. sengau
 - D. sumbang
10. Anggota polis itu melepaskan beberapa _____ tembakan ke arah penjenayah itu.
- A. butir
 - B. das
 - C. biji
 - D. bentuk
11. Mariani mengenali Junita _____ mereka kecil lagi.
- A ke
 - B daripada
 - C dari
 - D sejak

12. Buah-buahan mengandungi _____ yang penting untuk keperluan badan kita.

- A. ciri-ciri
- B. zat-zat
- C. wakil-wakil
- D. langkah-langkah

13. Encik Zambri berasal _____ negeri Sarawak.

- A. dari
- B. untuk
- C. pada
- D. dengan

14. Ayah menghadiahkan se_____ cincin kepada emaknya sempena Hari Ibu.

- A. biji
- B. keping
- C. bentuk
- D. ketul

15. Pukul berapakah mereka sampai?

- A. Ayat Penyata
- B. Ayat Tanya
- C. Ayat Perintah
- D. Ayat Seruan

16. Syabas, awak telah berjaya mendapat tempat pertama!

- A. Ayat Penyata
- B. Ayat Tanya
- C. Ayat Perintah
- D. Ayat Seruan

17. Kebanyakan _____ yang melawat ke Pulau Langkawi adalah berasal dari Eropah.

- A. mengunjung
- B. perkunjungan
- C. pengunjung
- D. berkunjung

18. Tayar basikal Kok Siang tiba-tiba _____ kerana terkena benda yang tajam.

- A. kembang
- B. kendur
- C. pancit
- D. reput

19. Bapa tidak bersetuju untuk membeli rumah itu kerana dindingnya sudah _____.

- A. selerak
- B. pisah
- C. retak
- D. cerai

20. "Cikgu Osman sedang _____ mata pelajaran Matematik di dalam kelas kami semasa kejadian itu berlaku," kata ketua kelas.

- A. mengajar
- B. belajar
- C. mengajarkan
- D. belajarkan